

PERKAHWINAN BAWAH UMUR MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG SIVIL DI MALAYSIA

Hasnizam Hashim (Ph.D), Intan Nadia Ghulam Khan (Ph.D), Haliza A. Shukor (Ph.D) & Nabilah Yusof

Pensyarah,

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Email: hasnizam@usim.edu.my, intan@usim.edu.my, hliza@usim.edu.my, nabilah@usim.edu.my

Tel: 06-7988583

ABSTRAK

Isu perkahwinan kanak-kanak perempuan bawah umur mula dibahaskan oleh pelbagai lapisan masyarakat setelah berlakunya beberapa kes perkahwinan kanak-kanak di sebuah negeri di Malaysia. Rentetan daripada ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menggesa Pejabat Peguam Negara dan Ketua Polis Negara agar menyiasat kes perkahwinan bawah umur tersebut. Di Malaysia, perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah menyalahi undang-undang sekiranya tidak mendapat kebenaran mahkamah. Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang kedudukan perkahwinan bawah umur daripada perspektif undang-undang Jenayah Islam dan undang-undang Sivil di Malaysia. Artikel yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan menggunakan kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen primer dan sekunder seperti peruntukan yang terkandung dalam Akta dan Enakmen Undang-Undang Jenayah dan Keluarga Islam negeri-negeri, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, kes-kes yang dilaporkan dan penulisan akademik yang terkandung dalam jurnal-jurnal. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat peruntukan berkaitan perkahwinan bawah umur di dalam undang-undang di Malaysia baik Sivil maupun syariah. Namun begitu, tidak ada perincian secara spesifik mengenai pertimbangan yang perlu diambil kira dalam memberikan kebenaran bagi perkahwinan dengan pasangan bawah umur. Kajian juga mendapatkan penetapan had umur minimum dan penetapan peruntukan perundangan yang jelas adalah penting untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak perempuan.

Kata kunci: Perkahwinan bawah umur, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Sivil, Malaysia

1. Pendahuluan

Peraturan dalam bentuk perundangan mahupun adat yang menentukan garis-garis tertentu untuk melindungi kaum wanita termasuk anak-anak perempuan adalah penting dalam sesebuah negara. Sebagai contoh, undang-undang berkaitan perkahwinan menyediakan perlindungan kepada wanita dan kanak-kanak agar penganiayaan terhadap mereka dapat dihindari dan hak mereka dapat dipelihara. Salah satu isu berkaitan perkahwinan yang selalu menjadi tumpuan dan perdebatan adalah perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak sebagai pihak dalam perkahwinan. Mengikut United Nations Population Fund (UNFPA), secara global, seorang daripada setiap lima orang kanak-kanak perempuan telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun. Di negara-negara kurang membangun, bilangan ini berganda iaitu 40 peratus kanak-

kanak perempuan berkahwin sebelum berusia 18 tahun manakala 12 peratus berkahwin sebelum berusia 15 tahun (Laman sesawang United Nations Population Fund).

Secara umumnya, antara faktor-faktor yang membawa kepada perkahwinan bawah umur adalah kemiskinan, keperluan untuk mengukuhkan ikatan sosial dan kepercayaan bahawa perkahwinan adalah suatu bentuk perlindungan (Nawal M. Nour, 2009). Terdapat juga kes perkahwinan bawah umur disebabkan faktor-faktor seperti hamil luar nikah, terlanjur dan telah melahirkan anak (Rosalinda Md. Said, 2018).

Kajian melaporkan bahawa perkahwinan bawah umur melibatkan isu hak asasi termasuk isu perlanggaran terhadap hak kanak-kanak untuk menikmati zaman kanak-kanaknya dan hak terhadap pendidikan. Isu kesihatan pula melibatkan kesan perasaan tersisih kanak-kanak tersebut, depresi, jangkitan penyakit seksual dan kanser serviks, risiko semasa mengandung dan melahirkan anak dan risiko terhadap bayi yang dilahirkan oleh seorang kanak-kanak (Nawal M. Nour, 2009).

Di Malaysia, isu perkahwinan bawah umur tidak sunyi daripada perbincangan. Perkahwinan sebegini mengundang kontroversi dan mencetuskan perdebatan pelbagai pihak kerana kes-kes sebegini terus berlaku. Oleh yang demikian, kertas kerja ini membincangkan tentang kedudukan perkahwinan bawah umur daripada perspektif Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Sivil di Malaysia. Perbincangan juga akan menyentuh tentang kedudukan umur minimum perkahwinan dalam perundangan di Malaysia dan juga daripada perspektif Syariah. Penulis juga akan mengutarakan pandangan pelbagai pihak berkaitan umur minimum perkahwinan di Malaysia.

2. Definisi Kanak-Kanak

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun seperti yang telah ditetapkan dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989 ‘*the United Nations Children’s Fund*’ (UNICEF) (Artikel 1 Konvensyen Hak Kanak-Kanak UNICEF). Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-44 telah menerima secara rasmi dan konsensus Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak pada 20 November 1989. Konvensyen ini telah ditandatangani oleh Malaysia pada 28 Disember 1994 dan seterusnya diguna pakai pada 7 Februari 1995. Namun, Kerajaan Malaysia membuat reservasi terhadap beberapa perkara dalam Konvensyen tersebut. Secara umumnya, Konvensyen ini menegaskan keperluan khusus kanak-kanak dan juga mengkehendaki Kerajaan agar mengambil tanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak agar hak-hak mereka diiktiraf (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Perkahwinan tidak disebut secara spesifik dalam Konvensyen ini. Namun, menurut Perkara 24 (3), “Negara-negara Pihak hendaklah mengambil segala langkah yang berkesan dan sewajarnya dengan tujuan untuk menghapuskan amalan tradisional yang memudaratkan kesihatan kanak-kanak” (Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989). Justeru,

perkahwinan kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun boleh termasuk di bawah terma ‘amalan tradisional’ yang disebut dalam Perkara ini dan Malaysia perlu mengambil mengambil langkah berkesan dan efektif bagi tujuan ini. Ketetapan yang sama juga telah diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang menyatakan bahawa ‘kanak-kanak’ ialah seseorang yang berumur bawah 18 tahun.

Di Malaysia, seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 menetapkan bahawa umur belum dewasa bagi semua lelaki dan perempuan ialah dan adalah terhad kepada lapan belas tahun dan tiap-tiap lelaki dan perempuan yang mencapai umur itu ialah berumur dewasa di Malaysia. Oleh itu, kanak-kanak adalah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun.

Menurut Syariah, Ibnu Manzur di dalam Kamus Lisan al-Arab mendefinisikan kanak-kanak atau ‘*al-Sighar*’ dari sudut *lughah* sebagai sesuatu yang berlawanan dengan besar. Ia juga membawa maksud kurang saiz atau kurang umurnya (Ibnu Manzur 1992 1:524). Dari sudut istilah, perkataan ‘*al-Sighar*’ membawa maksud sebagai suatu ciri yang dikaitkan dengan seseorang manusia semenjak kelahirannya sehingga *baligh* (Ibnu Manzur 1992 1:524).

Berdasarkan definisi ini, takrifan yang diberikan oleh perundangan syariah menghubungkan keadaan *aqil baligh* dengan kanak-kanak. Berbeza dengan perundangan sivil, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun (Seksyen 2 (1), Akta 611). Kamus Dewan juga mendefinisikan kanak-kanak sebagai budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun) (Noresah Baharom et al. 2015 7:1308) sementara ‘remaja’ pula ditakrifkan sebagai seseorang yang mulai dewasa, sudah akil *baligh* dan sudah cukup umur untuk berkahwin (Noresah Baharom et al. 2015 7:1308).

3. Kedudukan Umur Minimum Perkahwinan dalam Perundangan di Malaysia

Di bawah Perlembagaan Persekutuan, kuasa perundangan dibahagikan kepada Parlimen di peringkat persekutuan dan Badan Perundangan Negeri di peringkat negeri. Perkara 74(1) menyatakan bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan). Manakala Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama seperti yang disebut di bawah Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan).

Secara umumnya, undang-undang perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang bukan Islam adalah diletakkan di bawah Senarai I (Senarai Persekutuan), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Bagi orang-orang Islam pula, undang-undang perkahwinan dan perceraian diletakkan di bawah Senarai II (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan). Sehubungan itu, peruntukan berkaitan umur minimum perkahwinan dijelaskan

dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bagi orang bukan Islam dan di dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Negeri-Negeri bagi orang Islam.

Umur minimum perkahwinan yang melibatkan pasangan yang beragama Islam ialah 18 tahun ke atas bagi lelaki dan 16 tahun ke atas bagi perempuan. Had umur tersebut merupakan had umur yang diperuntukkan oleh semua negeri-negeri di Malaysia menurut Akta/ Enakmen/ Ordinan negeri-negeri masing-masing. Walaubagaimanapun, dalam keadaan tertentu, perkahwinan bawah umur boleh dibenarkan oleh Hakim Syarie. Sebagai contoh, seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (AUKI 1984) menyebut seperti berikut:

Seksyen 8: Umur minimum untuk perkahwinan

Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Namun begitu, perincian secara spesifik mengenai pertimbangan yang perlu diambil kira dalam ‘hal keadaan tertentu’ untuk memberikan kebenaran bagi pernikahan dengan pasangan bawah umur tidak dinyatakan dalam Akta ini.

Bagi pasangan yang bukan Islam, menurut Seksyen 10, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, umur minimum perkahwinan yang dibenarkan ialah 18 tahun ke atas bagi lelaki dan juga 18 tahun ke atas bagi perempuan.

Seksyen 10: Pentaksahan perkahwinan jika salah satu pihak berumur di bawah umur minimum perkahwinan

Mana-mana perkahwinan yang berupa sebagai diupacarakan di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu daripada pihak-pihak berumur di bawah lapan belas tahun melainkan jika, bagi seseorang perempuan yang telah genap umur enam belas tahun, pengupacaraan perkahwinan itu telah dibenarkan oleh suatu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2).

Perbandingan had umur minimum perkahwinan (lelaki dan perempuan) bagi orang Islam dan bukan Islam di Malaysia diringkaskan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Umur Minimum Perkahwinan (orang Islam dan orang bukan Islam) di Malaysia

AUKE 1984	Akta Membaharui Undang-Undang
-----------	----------------------------------

Umur minimum perkahwinan	(Perkahwinan dan Perceraian) 1976	
Lelaki	18 tahun ke atas	18 tahun ke atas
Perempuan	16 tahun ke atas	18 tahun ke atas

Sumber: Seksyen 8 AUKI 1984 dan Seksyen 10 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, umur minimum perkahwinan bagi lelaki (samada Islam atau bukan Islam) ialah 18 tahun ke atas manakala bagi perempuan pula, terdapat perbezaan had umur minimum perkahwinan bagi perempuan Islam dan bukan Islam. Bagi perempuan Islam, had umur minimum ialah 16 tahun ke atas manakala bagi perempuan bukan Islam, 18 tahun ke atas.

4. Hukum Pernikahan Kanak-Kanak Menurut Perspektif Syariah

Fuqahak mempunyai beberapa pandangan berkaitan hukum pernikahan bagi kanak-kanak perempuan Islam seperti yang berikut:

4.1 Pendapat Fuqahak yang tidak membenarkan perkahwinan kanak-kanak.

Sebahagian fuqahak berpendapat bahawa pernikahan kanak-kanak adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pendapat mereka ini adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 6:

وَابْتَلُوا الْيَتَامَى حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ آتَسْتُم مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ أُمْوَالَهُمْ...

Maksudnya: Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya...

Ayat di atas menjelaskan bahawa usia kanak-kanak berakhir apabila sampainya umur yang membolehkan mereka bernikah atau berkahwin (*baligh*) dan sebaliknya. Selain itu, golongan fuqahak ini juga berpendapat bahawa matlamat perkahwinan adalah untuk *mu'asyarah* (pergaulan), menghasilkan keturunan dan juga melahirkan ketenangan jiwa dan kesemuanya ini tidak akan tercapai melalui pernikahan dengan kanak-kanak (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018)

Pernikahan dengan kanak-kanak juga sekiranya dibenarkan boleh mendatangkan mudarat yang berterusan kerana kanak-kanak tersebut masih belum bersedia dari sudut fizikal dan mental dan juga masih belum berupaya untuk membuat pertimbangan waras dalam memilih pasangan hidup.

Bagi menerangkan maksud Hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW mengahwini Saidatina Aisyah RA ketika usianya enam tahun dan disempurnakan ketika usianya sembilan tahun (diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (4840) dan Imam Muslim (1422), fuqahak golongan ini berpendapat bahawa ia adalah merupakan *khususiyah* (ciri yang khusus) hanya pada Rasullullah SAW (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

4.2 Pendapat Fuqahak yang membenarkan pernikahan dengan kanak-kanak.

Pendapat para fuqahak yang membenarkan pernikahan dengan kanak-kanak terbahagi kepada dua iaitu:

- a) Pendapat golongan pertama berkait rapat dengan definisi kanak-kanak itu sendiri. Sekiranya kanak-kanak itu telah *baligh*, dia tidak lagi diklasifikasikan sebagai kanak-kanak walaupun usianya baru 9 tahun atau 10 tahun atau sebagainya (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).
- b) Pendapat kedua pula menyatakan bahawa pernikahan dengan kanak-kanak yang masih belum *baligh* adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, pernikahan ini bukanlah bermakna bahawa keputusan tersebut dibuat oleh kanak-kanak secara bersendirian, bahkan mesti dilakukan oleh seseorang yang bertanggungjawab ke atas kanak-kanak tersebut iaitu walinya.

Antara dalil-dalil yang membenarkan perkahwinan dengan kanak-kanak adalah:

Firman Allah dalam Surah al-Talaq ayat 4,

وَاللَّاتِي يَئْسَنُ مِنَ الْمَحِيطِنَ إِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرْتَبْتُمْ فَعَدْثَنَ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّاتِي لَمْ يَحْضُنْ وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ
أَجْلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَتَّقَ اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ مِنْ أُمْرِهِ يُسْرًا

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.

Imam al-Qurtubi di dalam tafsirnya *Al-Jami' li Ahkam al-Quran* dalam mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa Abu Uthman bin Salim berkata: ‘*iddah* untuk kaum wanita yang dijelaskan dalam surah al-Baqarah adalah untuk wanita yang diceraikan oleh suaminya dan wanita yang kematian suami; maka Ubai bin Kaab berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya masih ada kaum wanita yang tentang mereka tidak disebutkan/ dinyatakan apapun berkaitan ‘*iddah*.

Mereka adalah wanita yang masih kecil dan wanita yang sedang hamil. Maka bagi menjawab persoalan ini, turunlah ayat 4 Surah al-Talaq. (Al-Qurtubi 1996 17:162-165)

Imam al-Syaukani dalam tafsir Fath al-Qadir mentafsirkan ayat 4 surah al-Talaq dengan menjelaskan bahawa “*...perempuan-perempuan yang tidak berhaid...adalah mereka yang masih kecil dan belum sampai usia haid*” (Al-Syaukani 2000, 1790).

Daripada Aisyah RA bahawa Nabi SAW mengahwininya ketika beliau berusia enam tahun dan bersama dengannya ketika berusia sembilan tahun. Kemudian hidup bersama Rasulullah SAW selama sembilan tahun. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Maksud Hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW mengahwini Saidatina Aisyah RA ketika usianya enam tahun dan disempurnakan ketika usianya sembilan tahun, fuqahak golongan pendapat ini berpendapat bahawa ia bukan merupakan *khususiyyah* (ciri yang khusus) hanya pada Rasullullah SAW sahaja. Ini kerana pernikahan sebegini turut berlaku kepada sahabat-sahabat lain seperti perkahwinan di antara Ummu Kalthum yang pada ketika itu berumur sepuluh tahun dengan Saidina Umar al-Khattab (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

5. Tujuan dalam menetapkan Umur Minimum Perkahwinan

Walaupun Islam memberikan kuasa kepada bapa atau wali, namun ia tidak bermakna mereka boleh berbuat sesuka hati. Setiap keputusan mereka ke atas masa depan anak perempuan mestilah berasaskan kepada pemikiran yang waras dan keutamaan hendaklah diberikan kepada jaminan masa depan anak perempuan tersebut. Ini kerana perkahwinan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat lebih kepada menjaga kemaslahatan kanak-kanak.

Para fuqahak telah bersepakat sekiranya perempuan tersebut telah dewasa dan cukup syarat-syaratnya, maka wali bolehlah bergegera mengatur perkahwinan anak perempuannya sebagaimana yang telah diterangkan di dalam banyak hadis.

Walau bagaimanapun, dalam kes yang melibatkan kanak-kanak, bapa atau wali tidak boleh sewenang-wenangnya membuat keputusannya sendiri. Bapa atau wali sewajarnya memahami ajaran agama Islam serta falsafahnya dan memahami peranannya sebagai pemegang amanah paling utama di dalam memelihara anak perempuannya.

6. Kes-kes Berkaitan Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia dan Hukuman yang diperuntukkan

Seperti yang dilaporkan oleh media, kes-kes yang melibatkan perkahwinan bawah umur bukan sahaja melibatkan orang Islam, bahkan juga orang bukan Islam. Menurut laporan akhbar,

bilangan permohonan perkahwinan bawah umur kanak-kanak yang beragama Islam bagi tempoh 2013-2017 ialah sebanyak 5362 manakala yang melibatkan bukan Islam ialah sebanyak 2367 permohonan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Bilangan Permohonan Perkahwinan Bawah Umur (orang Islam dan orang bukan Islam) bagi tahun 2013-2017

	Islam	Bukan Islam
Bilangan Permohonan Perkahwinan Bawah Umur bagi tahun 2013-2017	5362	2367

Sumber: MyMetro, 2018.

Kes terkini melibatkan perkahwinan bawah umur berlaku di Kelantan. Pada 9 Julai 2018, seorang lelaki warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan kanak-kanak berumur 11 tahun telah didakwa di Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang, Kelantan di bawah Seksyen 19 dan Seksyen 124, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (No 6) 2002 Negeri Kelantan. Bagi tuduhan pertama, lelaki tersebut didakwa berkahwin tanpa kebenaran mengikut Seksyen 19 Enakmen berkenaan dan dihukum denda berjumlah RM900. Bagi tuduhan kedua pula, lelaki tersebut didakwa berpoligami tanpa kebenaran mengikut Seksyen 124 enakmen yang sama dan dikenakan hukuman denda berjumlah RM900. Secara keseluruhan, lelaki itu dikenakan denda RM1,800 (Sharifah Mahsinah Abdullah dan Ramli Ibrahim, 2018).

Menurut Intan Nadia et al. (2012), dalam sesetengah kes, pernikahan bawah umur ini merupakan salah satu faktor berlakunya nikah sindiket. Sebagai contoh, perkahwinan dengan lelaki Lombok seperti yang dilaporkan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 14 Jun 2010 di mana pasangan terbabit memilih untuk dinikahkan oleh jurunikah tidak bertauliah bagi mengelakkan daripada prosedur yang perlu dilalui berikutan perkahwinan tersebut melibatkan gadis bawah umur.

6.1 Hukuman yang diperuntukan di bawah Undang-Undang Jenayah Islam

Walaupun hukum syarak membenarkan perkahwinan bawah umur di dalam keadaan-keadaan tertentu, namun kebenaran itu adalah tertakluk kepada perundangan yang ditetapkan oleh pemerintah (*al-siasah al-syariyyah*) sesebuah negara dengan mengambil kira pendekatan *maslahah* dan *mafsadah*. Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, umur yang ditetapkan oleh pemerintah selepas mengambil kira *maslahah* kanak-kanak perempuan tersebut daripada kesemua aspek adalah bertujuan untuk menjaga *maslahah* dan keharmonian masyarakat keseluruhannya. Melihat kepada situasi semasa yang berlaku, maka pihak

pemerintah perlu mengambil tindakan sewajarnya atas prinsip *sad al-zarai'* (menolak kemudaran) bagi mengatasi masalah yang berlaku dan menghalangnya daripada terus berlaku. (Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2018).

Di bawah Akta/ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang dikuatkuasakan di kesemua negeri-negeri, usia perkahwinan minimum bagi lelaki adalah 18 tahun dan bagi perempuan adalah 16 tahun. Di bawah Akta/ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang dikuatkuasakan dikesemua negeri-negeri juga dinyatakan bahawa pasangan di bawah umur hanya dibenarkan berkahwin sekiranya mendapat kebenaran mahkamah dan juga persetujuan kedua ibu bapa. Seksyen 8 AUKI 1984 umpamanya menyatakan bahawa:

Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Seksyen 40 (2) AUKI 1984 Kesalahan yang berhubungan dengan akad nikah perkahwinan menjelaskan bahawa:

Mana-mana orang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah atau yang menjalani suatu bentuk akad nikah dengan sesiapa jua berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan-kesalahan di bawah Bahagian II Akta ini adalah termasuk kesalahan yang berkaitan umur minimum untuk perkahwianan. Sementara itu, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 juga memperuntukan hukuman yang sama iaitu hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi nema bulan atau kedua-duanya. Secara ringkas, dapat difahami bahawa hukuman yang diperuntukkan bagi perkahwinan dengan mereka yang di bawah umur di dalam Akta/ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri adalah merupakan hukuman takzir yang mengambil kira pendekatan *maslahah* dan *mafsadah*.

6.2 Hukuman yang diperuntukan di bawah Undang-Undang Sivil

Bagi orang bukan Islam, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, berdasarkan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, umur minimum perkahwinan yang dibenarkan ialah 18 tahun ke atas bagi lelaki dan juga 18 tahun ke atas bagi perempuan. Andainya pasangan tersebut berusia antara 16 hingga 18 tahun, berdasarkan Seksyen 10 dan Seksyen 21(2) Akta yang sama, mereka perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Menteri dan Mahkamah.

Di Malaysia, kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun diberi perlindungan khas dan di kawal di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 yang diluluskan bagi menjaga kepentingan kanak-

kanak tersebut. Di bawah perundangan sivil di Malaysia juga, perkahwinan dengan kanak-kanak ini juga perlu dibincangkan daripada pelbagai sudut perundangan. Disamping berlakunya isu pengabaian oleh penjaga, perkahwinan bawah umur ini juga boleh membuka penelitian perundangan terhadap beberapa aspek lain lagi yang melibatkan dasar perlindungan kanak-kanak. Antaranya ialah, sekiranya terdapat unsur antun atau ‘*sexual grooming*’ dalam kes-kes perkahwinan sebegini, pelakunya sekiranya disabitkan kesalahan di bawah Fasal 13 Bahagian III Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat (Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017). Sekiranya di sabitkan di bawah Fasal 14 Akta yang sama berkaitan Amang Seksual Fizikal ke atas Kanak-Kanak, pelakunya boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat (Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017).

Sementara itu, Seksyen 90 (c) Kanun Keseksaan menjelaskan bahawa kerelaan bukanlah kerelaan bagi kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun. Justeru adalah menjadi tanggung jawab kepada lelaki tersebut untuk membuktikan bahawa status perkahwinan itu sah kepada pihak berkuasa. Selagi tiada bukti kukuh, pihak kerajaan akan menganggap bahawa mereka adalah pasangan yang belum berkahwin dan sebarang hubungan dan interaksi sesama mereka adalah tertakluk kepada pelbagai undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak di negara ini (Utusan Online, 3 Julai 2018).

7. Cadangan-Cadangan Pelbagai Pihak Berkaitan Umur Minimum Perkahwinan di Malaysia.

Susulan daripada pelbagai kontroversi berkaitan perkahwinan bawah umur yang berlaku, pelbagai saranan dikemukakan oleh pihak kerajaan Malaysia dan juga pihak-pihak lain seperti yang disenaraikan di bawah.

7.1 Mengharamkan Perkahwinan Bawah Umur

Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ‘membayangkan bahawa perkahwinan bawah umur bakal diharamkan dalam jangka panjang.’ Menurut beliau, perkahwinan bawah umur merupakan isu yang rumit dan perlu diberi perhatian dan penilaian sebelum mengambil apa-apa tindakan (Harian Metro, 25 Julai 2018).

7.2 Menaikkan had umur kahwin

Menaikkan had umur kahwin dari 16 tahun kepada 18 tahun merupakan salah satu cadangan yang diutarakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Menurut beliau, usul tersebut akan dibawa dan dibentangkan di Dewan Rakyat agar pembelaan sewajarnya dapat diberi pada kanak-kanak terutama dari segi hak dan kepentingan mereka (Harian Metro, 1 Julai 2018). Oleh itu, pindaan bagi had umur minimum perkahwinan akan dibuat oleh kerajaan Malaysia yang melibatkan pindaan terhadap Enakmen Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia termasuk di Wilayah-wilayah Persekutuan (Harian Metro,

25 Julai 2018). Menurut pandangan Mufti Wilayah Persekutuan, kerajaan mempunyai kuasa untuk menetapkan had umur minimum perkahwinan bagi tujuan menegakkan ‘keadilan’ untuk kanak-kanak dan bukan bertujuan untuk mengharamkan sesuatu yang telah dihalalkan oleh Allah SWT. Tambah beliau lagi, sekiranya kerajaan telah menetapkan had umur minimum perkahwinan, maka ia wajib dipatuhi dan sekiranya ingkar, hakim diberi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas si pelaku (S.S. Dato’ Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, 2018).

7.3 Menyediakan senarai prosedur operasi standard (SOP) dalam kes yang melibatkan had umur minimum perkahwinan

Bagi tujuan menangani kes-kes perkahwinan yang melibatkan had umur minimum, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa mencadangkan agar satu SOP disediakan agar ia dapat menjadi garis panduan dalam memutuskan isu-isu berkaitan perkahwinan bawah umur (Harian Metro, 25 Julai 2018). Namun begitu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) membantah pembentukan SOP tersebut dan menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur seharusnya dijadikan kesalahan jenayah dan dilarang secara terang-terangan (Malay Mail, 6 Julai 2018).

Bagi perkahwinan orang bukan Islam, terdapat cadangan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) untuk memasukkan peruntukan berkaitan keperluan untuk mengemukakan laporan sosial, laporan kesihatan dan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi permohonan perkahwinan bawah umur di bawah Akta 164 (Adam Abu Bakar, 2018).

7.4 Meningkatkan kesedaran tentang perkahwinan bawah umur melalui pendidikan

UNICEF menyatakan bahawa isu perkahwinan bawah umur boleh dicegah oleh ibu bapa dan melalui pendidikan di sekolah-sekolah agar dapat meningkatkan kesedaran tentang perkahwinan bawah umur. Di antara pengisinya ialah dengan memberi penerangan berkaitan kesihatan reproduktif yang sesuai dengan umur serta kesihatan mental kanak-kanak. Selain itu, UNICEF juga menyarankan agar wujud campur tangan awal dari badan-badan tertentu bagi kumpulan yang berisiko berkahwin bawah umur serta sistem sokongan yang jitu untuk membantu anak-anak yang telah melalui perkahwinan bawah umur. (UNICEF, 6 April 2017).

Saranan yang dikemukakan oleh UNICEF bertepatan dengan laporan kertas kerja yang dikemukakan oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkaitan dengan ketidakcukupan ilmu berkaitan kesihatan seksual dan reproduktif di kalangan orang muda. Berdasarkan laporan kertas kerja tersebut, pendidikan tentang kesihatan seksual dan reproduktif perlu dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia. Namun begitu, usaha tersebut menghadapi pelbagai kekangan dari segi pelaksanaannya seperti kebimbangan ibu bapa, guru-guru dan juga agamawan terhadap pengajaran kesihatan seksual dan reproduktif yang dianggap sensitif serta kurang minat dari pihak kerajaan untuk melaksanakannya (Prof Dato’ Noor Aziah Mohd Awal & Mohd Al Adib Samuri, 2017).

7.5 Menjadikan perkahwinan bawah umur sebagai satu kesalahan jenayah serta meningkatkan hukuman terhadap pelakunya yang disabitkan kesalahan

Presiden Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia berpendapat agar perkahwinan bawah umur dijadikan satu kesalahan jenayah. Beliau berpendapat bahawa pemansuhan undang-undang yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak adalah tidak mencukupi. Beliau mencadangkan agar diwujudkan undang-undang baru yang melarang dan menghukum pelaku yang melakukan perkahwinan bawah umur sebagai satu kesalahan jenayah (News Straits Times, 1 Julai 2018). Walau bagaimanapun, cadangan tersebut mendapat kritikan dari UNICEF yang mengatakan bahawa sekiranya perkahwinan bawah umur dijadikan kesalahan jenayah tanpa mengambil kira faktor penyebab kepada perkahwinan tersebut, dikhawatiri ia dijalankan secara rahsia oleh si pelaku (UNICEF, 6 April 2017).

7.6 Mengambil kira faktor-faktor penting dalam mempertimbangkan umur minimum perkahwinan

Pelbagai faktor penting perlu diambil kira sebelum mempertimbangkan umur minimum perkahwinan. Antaranya ialah hak kanak-kanak tersebut untuk mendapatkan pendidikan, terutamanya pendidikan rendah. Selain itu, faktor jarak usia yang terlalu jauh boleh menjadi penyumbang pada masalah perceraian seperti yang pernah berlaku di Kedah yang mana perkahwinan antara kanak-kanak berumur 12 tahun dengan pasangan berusia 20 tahun berakhir dengan perceraian talak tiga (Berita Harian, 5 Julai 2018).

8. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dari sudut syarak, walaupun terdapat pandangan yang membolehkan perkahwinan dengan kanak-kanak, namun jumhur fuqahak berpendapat ia tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Perkara utama yang perlu diambil pertimbangan adalah maslahah kanak-kanak tersebut. Langkah pemerintah dalam menetapkan had umur minimum perkahwinan adalah merupakan suatu langkah proaktif dalam memelihara *maslahah* kaum wanita terutamanya kanak-kanak dan ianya selari dengan *Maqasid al-Syariah* dalam pemeliharaan *nasab*. Apabila pemerintah telah menetapkan sedemikian, maka dibawah prinsip ketaatan kepada pemerintah, masyarakat wajib untuk mematuhi. Oleh yang demikian, adalah disarankan agar perincian spesifik dalam memberikan kebenaran perkahwinan pasangan bawah umur diwujudkan dalam peruntukan undang-undang. Hal yang demikian dibuat bertujuan untuk memperketatkan syarat-syarat perkahwinan dengan kanak-kanak dan memastikan agar pelaksanaannya dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, di Malaysia, perkahwinan bawah umur yang dilaksanakan tanpa mendapat kebenaran pihak berkuasa juga adalah merupakan suatu kesalahan jenayah baik daripada sudut perundangan syariah maupun sivil dan boleh dihukum apabila sabit kesalahan. Hukuman bagi mereka yang melanggar perundangan ini perlu di pertingkatkan dan dilaksanakan secara lebih tegas bagi menjamin kemaslahatan dan masa depan kanak-kanak.

RUJUKAN

Abi Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. 1996. *Al-jami' li Ahkam al-Quran*. Juzuk 17. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Abi al-Fadhl Jamaluddin Muhammad bin Mukram Ibnu Manzur. 1992. *Lisan al-Arab*. Lubnan: Dar al-Sadir.

Adam Abu Bakar. 15 November 2018. Kerajaan Cadang Pinda 2 Akta Ketatkan Syarat Kahwin Bawah Umur. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/11/15/kerajaan-cadang-pinda-2-akta-ketatkan-syarat-kahwin-bawah-umur/>.

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Akta Undang- Undang Keluarga Islam 1984 (Akta 303).

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792)

Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21).

Audrey Vijaindren, 'NGOs call for child marriage to be banned, criminalized' 1 Julai 2018, <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/07/386083/ngos-call-child-marriage-be-banned-criminalised> [akses pada 30 Julai 2018].

Boo-Su-Lyn, Suhakam wants child marriage criminalises, opposes SOP, 6 Julai 2018 <https://www.malaymail.com/s/1649545/suhakam-wants-child-marriage-criminalised-opposes-sop>

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 13/2003)

Hidayatul Akmal Ahmad, Kahwin bawah umur harus diharamkan, 25 Julai 2018 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/361566/kahwin-bawah-umur-harus-diharamkan-metrotv> [akses pada 30 Julai 2018].

Hidir Reduan dan Luqman Arif Abdul Karim, Bentang Kenaikan Had Umur Kahwin, 1 Julai 2018 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/353548/bentang-kenaikan-had-umur-kahwin> [akses pada 30 Julai 2018].

Hjh Noresah binti Baharom et al. 2015. Kamus Dewan Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor & Nabilah Yusof. 2012. *Nikah Sindiket di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, <http://www.jkm.gov.my/jkm/>, Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [akses pada 1 Ogos 2018].

Kanun Keseksaan (Akta 574)

Konvensyen Hak Kanak-Kanak, UNICEF, <https://www.ohchr.org>

Child Marriage, United Nations Population Fund (UNFPA), <https://www.unfpa.org/child-marriage>

Muhammad Ali bin Muhammad al-Syaukani. 2000. Fath al-Qadir: *Al-Jami' baina al-Fanniy al-Riwayah wa al-Dirayah min 'ilm al-Tafsir*. Lubnan. Dar Ibnu Hazm.

Rohaniza Idris. 16 Ogos 2018. Nak Kahwin mesti umur 18 tahun. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/08/368654/nak-kahwin-mesti-umur-18-tahun-ke atas>

Rosalinda Md. Said. 21 Disember 2018. 397 Kes Kahwin Bawah Umur Dilulus. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/397-kes-kahwin-bawah-umur-dilulus-1.808529>

Ross Niza Mohd Shariff. 3 Julai 2018. Implikasi Jenayah di sebalik Pernikahan Kanak-Kanak. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/implikasi-jenayah-di-sebalik-pernikahan-kanak-kanak-1.701991> [akses pada 30 Julai 2018].

Nawal M. Nour, MD, MPH. (2009) Child Marriage: A Silent Health and Human Rights Issue. *Reviews in Obstetrics and Gynecology*, 2 (1), 51-56. Ms. 53.

Perlembagaan Persekutuan

Prof Dato' Noor Aziah Mohd Awal & Mohd Al Adib Samuri, Working Paper on Child Marriage In Malaysia https://www.unicef.org/malaysia/ChildMarriage_Malaysia_WorkingPaper_v2.pdf [akses pada 30 Julai 2018].

Prof Madya Yasmin Hanani Mohd Safian, Had Umur Kahwin Jaga Maslahah Masyarakat, 5 Julai 2018 <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/07/445415/had-umur-kahwin-jaga-maslahah-masyarakat> [akses pada 30 Julai 2018].

S.S. Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Perkahwinan Kanak-Kanak Menurut Perspektif Syariah, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2512-bayan-linnas-siri-ke-141-perkahwinan-kanak-kanak-mengikut-perspektif-syariah> [akses pada 30 Julai 2018].

S.S. Dato' Seri Dr. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Perkahwinan Kanak-Kanak Menurut Perspektif Siyasah Syar'iyyah, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2545-bayan->

[linnas-145-isu-perkahwinan-kanak-kanak-menurut-perspektif-siyasah-syar-iyyah](#) [akses pada 10 Ogos 2018].

Sharifah Mahsinah Abdullah dan Ramli Ibrahim, Peraih didenda RM1,800 kerana kahwin budak 11 tahun, 9 Julai 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/07/446977/peraih-didenda-rm1800-kerana-kahwin-budak-11-tahun> [akses pada 10 Ogos 2018].

UNICEF, Child Marriage Is Not Acceptable, 6 April 2017
https://www.unicef.org/malaysia/media_child-marriage-not-ok.html#.W16LrtUzaUk [akses pada 30 Julai 2018].